

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 11 MAC 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 7

MENGANGKAT SUMPAAH

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1541-L13413
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan penyelesaian jangka masa panjang bagi menyelesaikan masalah hakisan pantai yang kini mengakibatkan kerosakan jalan-jalan pesisir pantai di negeri Terengganu serta apakah status bantuan permohonan di bawah peruntukan Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) mampu menyelesaikan isu ini.
2. PN-1541-L13695
Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan melalui kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri bagi mengatasi kelewatan proses permohonan dan mendapatkan Program Perumahan Rakyat (PPR) sehingga menimbulkan kesulitan bagi pemohon, terutamanya mereka yang tidak mempunyai kediaman tetap dan terpaksa menumpang di rumah keluarga atau menyewa dengan kos yang tinggi.
3. PN-1541-L13631
Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah status Kepengerusian ASEAN pada tahun ini dan apakah program-program ASEAN yang akan diadakan di Malaysia serta impaknya kepada Malaysia.

4. PN-1541-L13318
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk mengurangkan kaedah pembelajaran secara bertulis kepada pelajar dan menggantikannya dengan kaedah pembelajaran digital yang lebih interaktif.
5. PN-1541-L13805
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk membangunkan sistem landasan kereta api di Sarawak dan Sabah terutamanya di antara bandar-bandar utama.
6. PN-1541-L13343
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha bagi mengawal aktiviti agensi pemberi kredit bukan bank seperti perkhidmatan "*Buy Now Pay Later*".
7. PN-1541-L13816
Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan bagaimanakah Kerajaan memastikan penubuhan Pejabat Kecerdasan Buatan Kebangsaan (NAIO) tidak menjadi entiti yang hanya menghasilkan laporan dan rangka kerja tetapi sebaliknya mempercepatkan kelulusan, mengurangkan birokrasi antara Kementerian dan mewujudkan ekosistem AI yang benar-benar fleksibel dan responsif terhadap keperluan sektor awam dan swasta.
8. PN-1541-L13275
Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam mengurangkan kebergantungan negara terhadap komoditi tradisional dengan mempelbagaikan sumber pendapatan negara dan adakah terdapat komoditi baharu yang sedang diterokai untuk meningkatkan sumbangan kepada ekonomi negara.
9. PN-1541-L13375
Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah faktor yang menyebabkan Hospital Bachok belum dapat beroperasi sepenuhnya dan bilakah Wad Bersalin dan Wad Kanak-Kanak akan dibuka.

10. PN-1541-L13782

Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perancangan Kementerian untuk menggubal peraturan atau undang-undang kepada majikan yang dapat mengawal skop kerja dan waktu bekerja bagi memastikan pekerja tidak terbeban dengan tugas yang melampau dan mempunyai keseimbangan antara kerja dan kehidupan peribadi pekerja.

11. PN-1541-L13836

Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah peserta dan kelas bagi kelas demokrasi Kuasa Orang Muda yang telah dianjurkan oleh Rakan Demokrasi sehingga kini dan bagaimana pemilihan persatuan terutamanya pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dilakukan untuk berkolaborasi dalam menjayakan program ini.

12. PN-1541-L13221

Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah tempahan Proton e.Mas 7 yang merupakan kereta elektrik pertama buatan Malaysia yang telah berjaya dilancarkan oleh Proton pada bulan Disember tahun lalu; dan
- (b) apakah inisiatif Kerajaan bagi mempromosi Proton e.Mas 7 dengan lebih agresif bagi menandingi penggunaan kereta elektrik jenama lain seperti BYD dan Tesla yang telah mencatatkan kenaikan permintaan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

13. PN-1541-L13752

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) apakah langkah Kerajaan untuk menangani risiko kehilangan pekerjaan akibat automasi dan kecerdasan buatan (AI) dan bagaimanakah Kerajaan memastikan rakyat Malaysia tidak menjadi situasi 'pengangguran teknologi' ; dan
- (b) apakah program latihan serta insentif yang disediakan oleh Kementerian bagi memastikan tenaga kerja tempatan kekal relevan dengan keperluan industri masa hadapan.

14. PN-1541-L13395
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sejauh manakah pemantauan semasa Kementerian terhadap penambahbaikan fasiliti TABIKA dan TASKA Perpaduan di Hulu Rajang dan adakah Kementerian mempertimbangkan penambahan bilangan TABIKA dan TASKA Perpaduan di kawasan Hulu Rajang.
15. PN-1541-L13726
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kementerian membuat kajian mengenai impak langsung dan tidak langsung mengenai perang tarif berskala besar terhadap aliran perdagangan dan pelaburan Malaysia.
16. PN-1541-L13302
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah pelan strategik Kerajaan untuk memastikan tempat pemindahan sementara mangsa-mangsa banjir di Sarawak disediakan kemudahan asas apabila berlaku bencana terutamanya banjir.
17. PN-1541-L13411
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah jenis bantuan yang akan diberikan kepada pesawah untuk memastikan mereka dapat menyesuaikan diri dengan perubahan jadual penanaman yang lebih padat di bawah inisiatif Padi 5 Musim 2 Tahun (P5M2T).
18. PN-1541-L13708
Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah Kementerian untuk menjadikan pelancongan domestik lebih berpatutan memandangkan 250,000 hingga 400,000 rakyat Malaysia memilih Thailand sebagai destinasi percutian antara Januari hingga Februari 2025 disebabkan kos pelancongan yang lebih rendah.
19. PN-1541-L13857
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah pihak Kerajaan bersedia untuk menggunakan pengaruh sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun ini dalam usaha untuk merancakkan lagi pertumbuhan dan aktiviti ekonomi serta industri di kawasan Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

20. PN-1541-L13744

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk memastikan pertukaran maklumat secara masa nyata dan kerjasama serantau untuk menggalakkan perkongsian pengetahuan dengan negara anggota ASEAN yang lain untuk mengukuhkan usaha Malaysia dalam memerangi jenayah siber transnasional.

21. PN-1541-L13663

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan bersetuju dengan penubuhan Pahang Orang Asli Corporation (ORACO) bagi menguruskan hal ehwal Orang Asli di negeri Pahang; dan
- (b) adakah ORACO bercadang membuka cawangan di setiap daerah atau parlimen untuk menguruskan hal ehwal Orang Asli.

22. PN-1541-L13635

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam memperkenalkan silibus baharu yang lebih menekankan pendidikan digital dan kecerdasan buatan (AI) di peringkat sekolah rendah dan menengah.

23. PN-1541-L13210

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **PERDANA MENTERI** menyatakan garis masa pembentangan Akta Pendanaan Parti Politik dan apakah cabaran yang dihadapi untuk pembentangan Akta ini.

24. PN-1541-L13308

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian bekerjasama dengan institusi pendidikan, pertubuhan bukan kerajaan dan sektor swasta bagi memperkukuhkan penerapan MADANI dalam kalangan belia.

25. PN-1541-L13465

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) persediaan Malaysia dalam menghadapi krisis negara menua (*ageing society*) daripada sudut pekerjaan, kelestarian hidup serta sumber pendapatan kepada golongan ini apabila mereka memasuki usia warga emas; dan

- (b) inisiatif dan insentif yang disediakan oleh Kerajaan agar golongan ini dapat menikmati kehidupan lestari daripada sudut kehidupan, kos sara hidup dan kesihatan.
26. PN-1541-L13588
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha dan fokus Kementerian dalam memastikan Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) 997 dapat merencana tindakan dan bantuan segera bagi menangani kejadian penipuan dalam talian yang berlaku ke atas rakyat di seluruh negara.
27. PN-1541-L13487
Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-
- (a) apakah hasil siasatan Kerajaan berhubung isu kartel beras termasuk juga isu penukaran beras tempatan kepada beras import dari segi kenaikan harganya; dan
- (b) apakah langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah-masalah ini bagi memastikan kawalan harga dan rantai bekalan yang sentiasa mencukupi.
28. PN-1541-L13428
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menghasilkan lateks keluaran tempatan tanpa bergantung kepada lateks import yang menelan kos sebanyak RM3 bilion setahun.
29. PN-1541-L13255
Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk mengembalikan pelaksanaan kuasa yang termaktub dalam Akta Senjata Api (penalti lebih berat) 1971, bahagian 4, yang berkaitan dengan lesen dan permit senjata api kepada Ketua Polis Negeri dan apakah langkah yang akan diambil bagi memastikan pelaksanaan ini dapat dijalankan selaras dengan peruntukan akta tersebut; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang mengembalikan pelaksanaan kuasa Pesuruhjaya Polis Sabah meluluskan permit dan Lesen Senjata Api sebagaimana termaktub dalam bahagian 4 Akta Senjata Api (penalti lebih berat) 1971.

30. PN-1541-L13285
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cabaran yang perlu diambil kira dalam usaha mewajibkan persijilan halal dalam industri makanan Malaysia serta langkah proaktif bagi memastikan proses persijilan halal dapat dilakukan dengan efektif tanpa membebankan pengusaha dan memberi kemudahan kepada pengguna.
31. PN-1541-L13114
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk membekalkan air terawat melalui sistem grid ke kawasan Ulu Roban, Daerah Kabong, Saratok.
32. PN-1541-L13730
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian bagi membantu petani dan pekebun yang berskala kecil untuk menghadapi kenaikan kos pertanian yang semakin tinggi.
33. PN-1541-L13355
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status perkembangan berkenaan garis panduan terkini berhubung penggunaan isu kalimah Allah.
34. PN-1541-L13618
Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah sedia ada daripada Kementerian dalam memastikan sempadan negara sama ada di perairan ataupun di darat tidak mudah dicerobohi oleh Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI).
35. PN-1541-L13328
Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan segera yang telah diambil oleh Kementerian terhadap sekolah-sekolah yang mengalami kerosakan terutamanya prasarana sekolah akibat banjir seperti yang berlaku di Sabah dan Sarawak baru-baru ini.

36. PN-1541-L13191

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah bantuan wang ihsan akibat banjir, kebakaran dan tanah runtuh sebanyak RM1,000.00 bagi setiap Ketua Isi Rumah (KIR) yang hanya layak kepada mereka yang berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dan tidak bagi kepada mereka yang tidak berpindah.

37. PN-1541-L13445

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk menggalakkan industri hiliran berasaskan getah di Sarawak, seperti pengeluaran sarung tangan, produk getah teknikal, atau bahan biopolimer serta apakah strategi Kementerian dalam membentuk kerjasama dengan pelabur swasta atau Syarikat-syarikat multinasional untuk memacu kepelbagaian produk getah.

38. PN-1541-L13541

Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian Malaysia terhadap ikrar dan langkah Amerika Syarikat untuk mengambil alih Semenanjung Gaza selepas rakyat Palestin dipindahkan keluar negara lain.

39. PN-1541-L13526

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan merangka beberapa pendekatan baru yang lebih holistik untuk menangani isu Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang telah berlanjutan agak sekian lama dan belum dapat diselesaikan sepenuhnya dan adakah isu integriti pihak penguatkuasaan juga diambil berat bagi mengatasi masalah besar bagi negara ini.

40. PN-1541-L13668

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) strategi yang dirancang oleh Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan geriatrik memandangkan status negara yang semakin menua; dan
- (b) strategi yang dirancang secara khususnya untuk Negeri Pulau Pinang, yang dijangka menjadi negeri kedua tertua menjelang tahun 2030 dan tiada wad geriatrik khusus sekarang.

41. PN-1541-L13265

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian akan menggunakan teknologi data raya (big data) untuk menganalisis corak perjalanan pengguna dan merancang laluan pengangkutan awam dengan lebih baik serta lebih mesra pengguna kepada golongan OKU dan warga emas.

42. PN-1541-L13162

Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah bilangan kertas siasatan yang telah dibuka dan pertuduhan yang telah dibawa ke mahkamah berkaitan kesalahan pengantunan seksual kanak-kanak (*child grooming*) sejak Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 berkuat kuasa sehingga kini.

43. PN-1541-L13171

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan tindakan yang perlu diambil bagi menangani isu harga runcit yang melambung terutamanya barangan terkawal di kawasan terpencil khususnya di Sabah.

44. PN-1541-L13565

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tahap kuasa rundingan (*bargaining power*) yang dimiliki Malaysia sebagai rakan kongsi BRICS terutamanya dalam menangani isu keselamatan serantau seperti pertikaian di Laut China Selatan.

45. PN-1541-L13143

Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji tambang e-Hailing (Grab) untuk golongan OKU khususnya golongan OKU penglihatan.

46. PN-1541-L13555

Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah komitmen semasa Kementerian dalam memperkasa pendidikan anak-anak daripada keluarga berdaftar dengan e-Kasih, dan apakah strategi yang dirancang untuk memperluaskan inisiatif ini ke seluruh negara, khususnya di kawasan pedalaman di Semenanjung.

47. PN-1541-L13387

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) sejauh manakah tahap kesiapsiagaan Kerajaan dalam menghadapi ancaman keselamatan bukan konvensional, termasuk aktiviti keganasan, penyeludupan senjata, infiltrasi elemen subversif melalui sempadan, serta pencerobohan perairan oleh nelayan asing; dan
- (b) apakah perkembangan terkini mengenai pindaan Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959.

48. PN-1541-L13477

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan status kemajuan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) dalam meningkatkan pendapatan golongan B40 khususnya di Hulu Selangor.

49. PN-1541-L13845

Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha yang dilakukan berkenaan digitalisasi dokumen pesakit di semua hospital Kerajaan dan adakah usaha yang terdapat di dalam Kertas Putih Kesihatan ini telah dilaksanakan.

50. PN-1541-L13592

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status terkini usaha menjejaki dan menangkap individu Jho Low.

51. PN-1541-L13522

Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk mewujudkan lebih banyak lagi Program Perumahan Rakyat (PPR) di Johor bagi menampung keperluan mendesak selepas *Johor-Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ)* telah ditandatangani.

52. PN-1541-L13760

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan strategi Kerajaan dalam menangani ketidakseimbangan ekonomi antara kaum khususnya bagi kaum India dan komuniti luar bandar yang sering ketinggalan dalam aspek pendidikan, pekerjaan dan perniagaan serta adakah Kerajaan bersedia untuk merombak dasar sedia ada yang terbukti gagal dalam memberikan keadilan ekonomi kepada semua lapisan masyarakat.

53. PN-1541-L13180

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan strategi Kementerian bagi memastikan projek Lebuhraya Pan Borneo Fasa 1B tidak mengalami kelewatan dari tempoh masa yang dirancang dan apakah status terkini pelaksanaan projek tersebut .

54. PN-1541-L13804

Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

(a) apakah langkah segera Kerajaan dalam mengawal selia syarikat insurans yang memberi tekanan kepada panel hospital dengan menuntut diskaun yang tidak munasabah ke atas bil perubatan dengan ancaman penyingkiran daripada sistem panel tanpa tunai (*cashless panel*) jika tuntutan ini tidak dipenuhi; dan

(b) apakah langkah segera Kerajaan bagi mengelakkan manipulasi harga yang tidak adil bagi memastikan hospital swasta juga dilindungi dan dapat memberi perkhidmatan kepada pesakit daripada menjadi mangsa dasar insurans yang menjejaskan pilihan rawatan mereka.

55. PN-1541-L13575

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat impak positif terhadap kadar jenayah semenjak hukuman mati mandatori dimansuhkan dalam negara sejak Julai 2023.

56. PN-1541-L13236

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah gelandangan di Kuala Lumpur dan adakah kewujudan gelandangan ini akan memberi impak dan imej yang buruk kepada negara memandangkan tahun 2026 adalah tahun melawat Malaysia.

57. PN-1541-L13131

Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik bilangan kelas, bilangan sekolah menengah dan rendah serta purata jumlah pelajar dalam satu kelas bagi pelajar pendidikan khas dari tahun 2022 hingga tahun 2024.

58. PN-1541-L13796
Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah tindakan Kerajaan dalam menangani masalah pencemaran sungai dan apakah langkah jangka panjang untuk memastikan sumber air bersih yang mencukupi bagi rakyat.
59. PN-1541-L13877
Senator Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah persediaan yang diambil untuk memastikan bahawa rancangan sekolah satu sesi sepenuhnya pada tahun 2030 tercapai dengan jayanya, khasnya dalam aspek kelengkapan prasarana.
60. PN-1541-L13151
Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pendirian Kementerian berkenaan yuran pendaftaran kemasukan pelajar-pelajar di universiti awam yang membebaskan ibu bapa terutamanya golongan B40.
61. PN-1541-L13363
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan bagi menangani kesesakan pesakit di hospital-hospital Kerajaan.
62. PN-1541-L13869
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah mekanisme yang akan diguna pakai oleh Kerajaan bagi menentukan golongan yang layak menerima subsidi petrol RON-95 apabila penyasaran mula dilaksanakan pada pertengahan tahun ini dan adakah sistem PADU akan dibuka semula bagi pendaftaran baru dan mengemas kini maklumat semasa.
63. PN-1541-L13247
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pendekatan yang proaktif daripada Kementerian terhadap sindiket penjualan dan penggunaan kad pengenalan (Mykad) dan sijil lahir palsu yang giat dijalankan oleh warga asing.

64. PN-1541-L13502

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah yang diambil bagi mengurangkan kadar pesakit yang menghadapi penyakit tidak berjangkit seperti diabetes, hipertensi dan kanser serta bagaimana Kerajaan merancang untuk mempertingkatkan kesedaran dan pendidikan awam tentang gaya hidup sihat.

65. PN-1541-L13437

Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah tindakan Kementerian bagi memastikan bekalan barangan makanan utama khususnya barangan bersubsidi seperti gula, minyak masak dan beras tidak terputus dan apakah strategi Kementerian dalam menangani isu rantaian bekalan dan pengedaran barangan keperluan ini sampai ke kawasan luar bandar dengan harga yang berpatutan.

66. PN-1541-L13617

Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang terlibat dalam insiden tembak-menembak dengan bot yang membawa Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dari Indonesia.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** akan mencadangkan :-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Keempat, Parlimen Yang Kelima Belas.”

- **Menyambung semula Perbahasan atas masalah**

(10 Mac 2025)

- | | | |
|----|---|-------------------------------|
| 2. | (D.R.63/2024) Rang Undang-undang Majlis Media Malaysia 2024 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri Komunikasi] | |
| 3. | (D.R.62/2024) Rang Undang-undang BERNAMA (Pindaan) 2024 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri Komunikasi] | |
| 4. | (D.R.1/2025) Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 2025 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri Perpaduan Negara] | |

5. (D.R.5/2025) Rang Undang-undang Perlembagaan **Bacaan Kali Yang Kedua**
(Pindaan) 2025
[Perdana Menteri]
6. (D.R.4/2025) Rang Undang-undang Perkhidmatan **Bacaan Kali Yang Kedua**
Parlimen 2025
[Perdana Menteri]
7. (D.R.3/2025) Rang Undang-undang Perbekalan **Bacaan Kali Yang Kedua**
Tambahan (2024) 2025
[Menteri Kewangan]
8. (D.R.8/2025) Rang Undang-undang Kumpulan Wang **Bacaan Kali Yang Kedua**
Simpanan Pekerja (Pindaan) 2025
[Menteri Kewangan]
9. (D.R.2/2025) Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba **Bacaan Kali Yang Kedua**
(Pindaan) 2025
[Menteri Perumahan dan Kerajaan tempatan]
10. (D.R.10/2025) Rang Undang-undang Pemerangkapan, **Bacaan Kali Yang Kedua**
Penggunaan dan Penyimpanan Karbon 2025
[Menteri Ekonomi]

11. (D.R. 9/2025) Rang Undang-undang Iltizam Kecekapan
Perkhidmatan Kerajaan 2025 **Bacaan Kali
Yang
Kedua**

[Perdana Menteri]